

Kit Siang ganggu ucapan PM 15 kali

KUALALUMPUR 18 Julai — Ketua Pembangkang, Encik Lim Kit Siang yang marah “di atas kritikan-kritikan pedas” Dato’ Sri Dr. Mahathir Mohamad ketika beliau menyampaikan ucapan menggulung perbahasan Rancangan Malaysia Keenam di Dewan Rakyat hari ini telah mengganggu ucapan Perdana Menteri sebanyak 15 kali.

Gangguan pertama berlaku apabila Dato’ Sri Dr. Mahathir baru sahaja menyampaikan mukadimah ucapannya.

Ketika itu Perdana Menteri mengkritik Encik Lim yang disifatkannya telah mencemar Dewan yang mulia dengan lakonan yang paling kotor dari lakonan-lakonan sebelum ini serta tiada satu pun daripada ucapannya yang boleh dijadikan pengajaran.

Belum pun sempat Dato’ Sri Dr. Mahathir meneruskan ucapannya, Encik Lim bangun dan minta supaya Yang Dipertua Dewan memberi laluan kepadanya mengikut peraturan mesuarat.

Encik Lim yang diberi peluang untuk menyatakan bantahannya oleh Dato’ Sri Dr. Mahathir meminta Perdana Menteri membuktikan pada perenggan manakah dalam ucapannya yang boleh disifatkan sebagai tidak memberi pengajaran walau sedikitpun.

Dato’ Sri Dr. Mahathir sambil tersenyum bangun semula dan berkata: “Segala yang bersih dan suci telah menjadi busuk apabila ia

keluar dari mulut wakil dari Tanjung dan beliau telah menggunakan segala pengalamannya sebagai peguam yang terlatih untuk memberi tafsiran yang berbelit-belit.”

“Sudahlah, sabarlah kalau nak cakappun, ini giliran saya, masa giliran Yang Berhormat dulu saya tak ganggu pun....” kata Perdana Menteri sambil mendapat tepukan gemuruh daripada penyokong-penyokong kerajaan.

Dato’ Sri Dr. Mahathir ketika meneruskan ucapannya berkata, “wakil dari Tanjung juga telah menggunakan dengan cekap perkataan kesalahan kerana persahabatan” (*guilt by association*) dengan menyebut Lox-rain Esmé Osman adalah rakan saya dalam Fima.

“Saya akui, bahawa Lorrain adalah pengarah Fima semasa saya menjadi pengerusinya dan tidak melakukan apa-apa jenayah.... apakah apabila seseorang itu menjadi penjenayah pada masa ia tua, kita juga perlu menghukumnya sebelum itu?” tanya beliau.

Encik Lim terus bangun untuk kali kedua dan mencabar Perdana Menteri memberi laluan kepadanya untuk bercakap.

Dato’ Sri Dr. Mahathir sambil tersenyum berkata: “Tak apalah... saya beri laluan dan terus duduk.

“Buktikan di mana saya ada mengatakan kesalahan kerana persahabatan mengenai hubungan Yang Amat Berhormat dengan Lorrain.... apa yang saya katakan hanyalah

fakta semata-mata iaitu Lorrain pernah menjadi pengarah ketika Perdana Menteri menjadi Pengerusi Fima,” kata Encik Lim.

Dato’ Sri Dr. Mahathir berkata, wakil dari Tanjung cuba menggunakan taktik kesalahan kerana persahabatan hanya disebabkan beliau pernah bekerja dengan Lorrain.

“Lihatlah... Lorrain yang tiada kaitan dengan Rancangan Malaysia Keenam pun menjadi sebahagian daripada ucapan wakil dari Tanjung.... harap sabar ini adalah logik Yang Berhormat sedangkan dalam sistem kita seseorang itu tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah,” ujar Dato’ Sri Dr. Mahathir apabila melihat Encik Lim ingin bangun semula.

Encik Lim yang enggan duduk sekali lagi menyergah dan berkata: “Memang benar kerana itu adalah undang-undang Perdana Menteri bukan undang-undang Malaysia begitulah juga dengan ISA.”

Dato’ Sri Dr. Mahathir yang melihat gelagat Encik Lim lantas bangun semula berkata, “ISA adalah undang-undang tertentu yang sedang kita bercakap adalah undang-undang biasa.”

Encik Lim kemudiannya terus bangun mengganggu ucapan Perdana Menteri setiap tiga atau lima minit dan pada suatu peringkat enggan duduk apabila Yang Dipertua Dewan, Encik Ong Tee Kiat mengarahkan beliau duduk.